

18 JUN 2003

Abdullah-Etika

KOD ETIKA PEMILIHAN PARTI MUNGKIN PERLU DIKAJI SEMULA - ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Kod etika pemilihan Umno mungkin perlu dikaji semula, bagi memastikan pemilihan yang akan diadakan selepas pilihan raya umum kelak, tidak menimbulkan perpecahan di kalangan anggota parti, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Presiden Umno itu berkata kod etika pemilihan itu pada asasnya bertujuan membendung salah laku calon dan memastikan tidak berlakunya kempen serta fitnah yang memecahbelahkan anggota.

"Kita kena keluarkan lagi sekali (kod etika) tetapi kita harap tidak payahlah sampai peringkat itu (pertandingan jawatan utama)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pertandingan Esei Patriotik anjuran Alumni Kelab Umno Luar Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian semasa ditanya pemberita apakah formula yang akan digunakan Umno untuk memastikan sebarang pertandingan bagi jawatan utama parti pada pemilihan akan datang tidak menyebabkan berlakunya perbalahan dalam parti.

Abdullah berkata walaupun jawatan utama boleh dipertandingkan dan amalan demokrasi membolehkan ia berlaku, perebutan jawatan mungkin membawa lebih keburukan.

"Jadi kalau kita sama-sama setuju tidak ada pertandingan, itu bukan bermakna kita membelakangkan demokrasi, tetapi kita menggunakan pendekatan yang bijak supaya kita sama-sama mengambil pendirian tidak payah diadakan pertandingan," katanya.

Abdullah, yang telah dinamakan sebagai pengganti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila Perdana Menteri bersara Oktober ini, turut ditanya mengenai kenyataan Presiden parti yang melahirkan harapan supaya diteruskan tradisi Umno bahawa sesiapa yang dilantik menjadi timbalan perdana menteri dipilih menjadi timbalan presiden parti dan tidak dicabar.

Abdullah berkata seseorang yang dilantik sebagai timbalan perdana menteri adalah juga dipilih sebagai timbalan presiden parti, dan sebaliknya adalah satu amalan tradisi yang berjalan dengan baik dan tidak perlu diubah.

"Kalau tidak nanti susah juga seorang jadi timbalan perdana dan seorang lagi jadi timbalan presiden. Mereka mungkin berbalah, nanti kalau ada seseorang sudah menjadi timbalan presiden, dia pasti kata dia mahu jawatan timbalan perdana menteri.

"Ini akan jadi isu tidak tentu pasal, dan akan ada ramai pengikut yang hasut dan cucuk demi kepentingan mereka dan bukannya kepentingan parti," katanya.

Abdullah menasihatkan supaya spekulasi mengenai timbalan perdana menteri, timbalan presiden serta pemilihan parti dihentikan, dan sebaliknya ditumpukan perhatian kepada apa yang perlu dilakukan Umno bagi menghadapi cabaran, meningkatkan keupayaan dan daya saing negara.

"Cabaran ini perlu dihadapi bersama, tidak boleh bersendirian mesti sama-sama dihadapi dan kemenangan yang hendak diperolehi adalah untuk semua dan ini memerlukan kekuatan dan perpaduan parti," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata "ramuan" patriotisme mesti ada pada seluruh rakyat Malaysia bagi membolehkan mereka membina kekuatan, keupayaan dan meningkatkan daya saing dalam era globalisasi.

Beliau berharap generasi muda akan menjadikan semangat patriotisme sebagai satu matlamat cinta kepada agama, bangsa dan negara.

"Ia mesti matlamat yang dikejar sepanjang masa dan kerana agama, bangsa

dan negara aku setia untuk berjuang dan aku sedia untuk membuat persediaan yang secukupnya untuk kejayaan perjuangan itu," katanya.

Abdullah berkata peraduan esei sedemikian akan dapat mengasuh generasi muda berfikir secara kritis mengenai semangat patriotisme dan memupuknya bagi mempertahankan negara.

Pertandingan Esei Patriotik Alumni Kelab Umno Luar Negara, ditaja Syarikat Pembinaan Punca Cergas selama 20 tahun berturut-turut dengan perbelanjaan sejumlah RM1 juta.

Pertandingan esei dalam tiga bahasa - Melayu, Inggeris dan Arab - itu bertujuan menanam semangat patriotisme di kalangan penuntut institusi pengajian tinggi luar dan dalam negara.

Pertandingan tahun ini menawarkan hadiah berjumlah RM40,000 termasuk tiket penerbangan pergi-balik untuk pelajar Malaysia dari luar negara.

-- BERNAMA

HS KHY RON